

13 JUN 2004

Zainuddin-Islam

UMAT ISLAM PERLU MENGUASAI PELBAGAI KEBOLEHAN, KATA ZAM

PULAU PINANG, 13 Jun (Bernama) -- Umat Islam di negara ini perlu menguasai kebolehan berinteraktif dan berupaya menyesuaikan diri dengan

keperluan semasa untuk memastikan mereka tidak ketinggalan.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin hari ini berkata, menerusi konsep Islam Hadhari, umat Islam dididik memahami agama itu secara rasional dan membuat penyesuaian dengan keadaan sekitar demi survival agama itu sendiri.

Umat Islam di negara ini harus boleh menyesuaikan Islam dengan kehendak semasa tanpa mengetepikan syariat agama itu sendiri dan mereka mesti membentuk orang Islam berkualiti yang layak menjadi warga dunia.

"Umat Islam di Malaysia perlu menjadi warga dunia dan bukan sekadar menjadi orang Islam di kalangan masyarakat Melayu yang mempunyai pemikiran sempit," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah mengenai Cabaran Terhadap Islam Hadhari pada Persidangan Pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), di sini.

Persidangan tiga hari itu bermula semalam.

Zainuddin berkata kemajuan umat Islam di Malaysia pada hari ini adalah berkat kepimpinan dan pandangan luas pemimpin negara yang terdahulu.

Katanya, Malaysia menjadi terkenal kerana para pemimpinnya boleh berinteraktif dengan dunia luar secara berkesan kerana mereka adalah masyarakat Islam dunia dan bukan orang Islam di kalangan masyarakat Melayu, yang terkongkong dalam dunianya yang tersendiri.

"Sebagai contoh, orang lebih melihat Tun Dr Mahathir sebagai "man of the world" kerana beliau bercakap tentang Islam secara menyeluruh dan bukan hanya tertumpu pada negara ini sahaja," katanya.

Pemimpin negara melihat keperluan Bahasa Inggeris sebagai jambatan untuk rakyat negara ini menimba ilmu di negara Barat dan tidak pula memisahkan antara nilai dan fahaman kepimpinan negara dan rakyat, katanya.

Sebaliknya, di beberapa buah negara Islam lain, katanya, pemimpin terbaik-terbaik dengan dunia Barat untuk kepentingan ekonomi tetapi

rakyatnya
mempunyai sikap anti Barat yang melulu.

"Mereka tidak dapat memahami tujuan pemimpin mereka berbaik dengan Barat kerana asas pendidikan Islam mereka tidak hadhari, tidak mengalami pembaharuan, pemodenan dan penyesuaian dengan perkembangan semasa," katanya.

Dalam perkembangan lain, Zainuddin berkata tindakan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) menyiarkan segmen "Tragedi Taksub" bertujuan mengingatkan rakyat bahawa bahaya militan dan kekolotan masih ada di negara ini.

Katanya, kerajaan amat menentang sikap kekerasan dan taksub golongan tertentu yang menggunakan agama untuk kepentingan diri dan mahu rakyat jangan terpengaruh dengan ideologi kumpulan berkenaan.

Katanya, antara lain, paparan segmen itu ialah mengenai pengakuan personaliti dan kumpulan pemikir dalam pertubuhan Al-Arqam, yang telah diharamkan oleh kerajaan dan bagaimana kumpulan itu cuba untuk menghidupkan kembali aktivitinya di Labuan, Sabah.

"Kita mahu menunjukkan kepada masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini bahawa perlakuan ganas, sifat kolot dan taksub itu bukan cara Islam," katanya.

-- BERNAMA

ZU DC PR